

SOALAN NO: 69

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI WEE JECK SENG
[TANJUNG PIAI]
TARIKH : 31 JULAI 2017
SOALAN : 69

YB DATO' SRI WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang menyemak semula mekanisme pemantauan yang ditetapkan oleh Kementerian di bawah Akta Makmal Patologi 2007 bagi menjaga kepentingan pengguna atau pesakit yang menjalankan ujian pemeriksaan kesihatan supaya pesakit tidak diumpan oleh makmal patologi swasta dengan menjalankan ujian yang tidak diperlukan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi memastikan pengguna atau pesakit dilindungi daripada dikehendaki menjalani ujian makmal yang tidak diperlukan, perenggan 24(1)(e) Akta Makmal Patologi 2007 [Akta 674] memperuntukkan bahawa pemegang lesen bertanggungjawab untuk memastikan bahawa sampel yang diterima dan keputusan yang dikeluarkan hendaklah dibuat

melalui pengamal perubatan berdaftar atau pengamal pergigian berdaftar.

Ini bermakna, sesuatu ujian makmal hanya boleh dibuat atas permintaan pengamal perubatan berdaftar atau pengamal pergigian berdaftar yang merawat pesakit. Keputusan ujian yang diperolehi pula hendaklah dikeluarkan kepada pengamal perubatan berdaftar atau pengamal pergigian berdaftar yang merawat pesakit untuk tujuan rawatan lanjut.

Perkara ini adalah selaras dengan keperluan dibawah perenggan 24(1)(f) Akta Makmal Patologi 2007 [Akta 674] yang menetapkan bahawa pemegang lesen bertanggungjawab memastikan pengurusan perubatan dan pergigian pesakit terletak pada pengamal perubatan berdaftar dan pengamal pergigian berdaftar masing-masing.

Seksyen 75 Akta Makmal Patologi 2007 [Akta 674] pula akan memastikan pengiklanan oleh makmal patologi yang dilesenkan dikawal selia supaya tidak mengelirukan orang awam atau melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kesihatan.

Memandangkan Akta Makmal Patologi 2007 [Akta 674] masih belum dikuatkuasakan, Kementerian Kesihatan akan mempertimbangkan cadangan untuk menyemak semula mekanisme pemantauan yang ditetapkan setelah Akta ini dikuatkuasakan kelak.